

Bekas KP IKIM: Jakim perlu proaktif, haram buku hanya untung Kuan Yew
The Malaysian Insider
09 Disember, 2011
Oleh G. Manimaran

KUALA LUMPUR, 9 Dis — Agensi agama Islam pusat seharusnya bertindak secara proaktif dalam menangani isu berkaitan buku terbaru Lee Kuan Yew sebab langkah pengharamannya hanya akan menguntungkan bapa pengasas Singapura itu, kata bekas ketua pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Justeru menurut Prof Dr Ismail Ibrahim, negara seharusnya mengambil langkah-langkah lebih proaktif sebagai reaksi terhadap kekeliruan yang mungkin ditimbulkan oleh karya-karya seperti buku Lee (gambar) iaitu dengan banyak mendekati para pembaca dan mendedahkan kepincangan yang wujud.

“Kita haruslah menggunakan banyak saluran, antaranya media cetak dan elektronik, radio dan TV, untuk menjelaskan kepada awam kenapakah pandangan Lee Kuan Yew ini menyentuh kemurnian ajaran dan nilai agama Islam, umpamanya.

“Di manakah letaknya kekeliruan dan kesalahfahaman penulis tentang budaya Islam dan latar belakang orang Islam di Malaysia umpamanya berbanding dengan orang Islam di Singapura itu,” kata beliau, yang pernah mengetuai Majlis Fatwa Kebangsaan, dalam tulisan di blognya hari ini.

Semalam, The Malaysian Insider melaporkan Jakim memperakukan langkah mengharamkan buku terbaru Lee iaitu “Lee Kuan Yew: Hard Truths to Keep Singapore Going” — yang menggesa agar Muslim republik itu supaya tidak terlalu “ketat” dalam amalan prinsip-prinsip Islam.

Buku itu yang merupakan koleksi temu bual dengan beliau diterbitkan Januari lalu dan disenaraikan sebagai antara 15 terbitan yang “diperakukan haram” oleh Jakim dua bulan lalu.

Perakuan itu akan dibawa ke Kementerian Dalam Negeri untuk membuat keputusan.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jakim mengesahkan keputusan itu diputuskan pada mesyuarat jawatankuasa penapisan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam Jakim, Oktober lalu.

Dalam responsnya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Seri Jamil Khir Baharom memberitahu The Malaysian Insider bahawa kerajaan masih mengkaji kandungan buku meskipun pihak berkuasa agama pusat telah memperakukan agar buku berkenaan diharamkan.

“(Urusan itu) ia di bawah Kementerian Dalam Negeri... ia bukan haram,” kata beliau.

Apabila diberitahu bahawa ia salah satu daripada 15 buku yang diperakukan oleh Jakim sebagai haram, kata beliau, “ini bermakna ia masih diteliti oleh jawatankuasa penapisan (agama).”

Ketua Pengarah Jakim Datuk Othman Mustapha ketika dihubungi berkata, buku itu diperakukan haram kerana melanggar garis panduan yang ditentukan oleh jabatan.

"Buku tersebut masih di peringkat kajian Jakim. Kajian terhadap sesuatu buku dibuat oleh jawatankuasa penapisan buku yang dipengersikan oleh Mufti Perak Tan Sri Harussani Zakaria yang mana sekiranya ia bercanggah dengan garis panduan yang telah disediakan oleh Jakim," katanya lagi.

Dalam tulisannya, Ismail yang juga bekas duta Malaysia ke Arab Saudi menambah, kemungkinan pendekatan itu lebih berfaedah kepada para pembaca Muslim yang pernah membaca buku ini atau yang bercadang akan membacanya, apa lagi bagi orang yang telah membacanya dan menganggap bahawa pandangan Lee itu adalah munasabah dan sesuai dengan peredaran zaman moden ini.

"Saya tidak mengatakan bahawa keputusan mengharamkan buku tersebut oleh Jakim adalah satu tindakan yang salah, tetapi saya merasakan kita tidak dapat mengambil pendekatan ini untuk selama-lamanya, malah pendekatan kita tentulah lebih kepada tindakan yang berhikmah dan berorientasikan keilmuan dan pemikiran orang Islam sendiri iaitu pendekatan jangka panjang yang akan meninggalkan kesan yang lebih baik lagi kepada orang Islam," katanya lagi.

Beliau yang pernah menulis tentang isu ini Januari lalu berkata laporan semasa menunjukkan bahawa Jakim telah mengharamkan bukunya setelah hampir setahun buku itu diterbitkan.

"Saya percaya pengharaman ini akan lebih memberikan keuntungan kepada Lee Kuan Yew kerana semakin ramai orang yang akan mencari buku itu dan membacanya untuk melihat dan merasakan sendiri isi buku tersebut yang membawa kepada pengharamannya," katanya lagi.

Namun kata beliau, Jakim tentulah mempunyai pertimbangan tertentu sehingga membuat keputusan mengharamkannya.

"Bagi saya pengharaman ini mungkin dibuat oleh Jakim untuk melindungi pembaca Islam daripada terpengaruh dengan paparan pemikiran dan imej Islam yang diselewengkan oleh Lee.

"Dari sudut ini memang wajarlah Jakim mengambil tindakan supaya buku itu tidak dibaca oleh pembaca Malaysia. Dari sudut yang lain, mungkin juga Jakim ingin menunjukkan protes dan bantahannya terhadap kandungan buku itu tentang kesalah fahaman mengenai Islam dan amalannya yang sebenar dan protes itu dilahirkan di dalam langkah mengharamkannya," katanya lagi.

Tambah Ismail, walau apa-apa dorongan dan sebab sekali pun, beliau rasa masa-masa akan datang, "kita mungkin seharusnya menangani masalah prejudis terhadap Islam ini dengan pendekatan ilmu dan pengetahuan yang lebih berkesan lagi kerana dalam zaman siber dan Internet ini kita tentulah amat sukar untuk mengawal pembacaan orang atau mengehadkan pembacaan hanya terhadap buku yang dicetak sahaja."

Oleh itu ujar beliau, pendekatan yang berbentuk penjelasan dan penerangan untuk melawan sesuatu yang digambarkan secara salah dan mengelirukan di dalam penerbitan, buku, jernal, artikel dan sebagainya, tentulah akan lebih berkesan daripada mengharamkannya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bekas-kp-ikim-jakim-perlu-pro-aktif-haram-buku-hanya-untung-kuan-yew/>